



**MDSB**

مجلس دائيره سابوق برنام

**MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM**

45300 SUNGAI BESAR SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 03 3224 1655/ 1000 Fax: 03 3224 2766/ 5339

E-mail: [www.mdsb.gov.my](http://www.mdsb.gov.my)

## **SYARAT PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN**

1. Pelesen adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976; Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Sabak Bernam) 2007 dan lain-lain arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Majlis Daerah Sabak Bernam dari semasa ke semasa;
  2. Tempoh sah lesen ialah selama dua belas bulan (satu tahun) berkuatkuasa dari tarikh pembayaran fi lesen. Lesen ini boleh diperbaharui dalam tempoh 2 bulan sebelum tamat tempoh;
  3. Lesen ini tidak boleh dipindah milik kecuali jika mendapat kelulusan bertulis dari pihak berkuasa melesen Majlis Daerah Sabak Bernam selepas melalui proses yang telah ditetapkan;
  4. Lesen ini hendaklah dipamerkan pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat di dalam premis perniagaan seperti alamat yang tertera di dalam lesen dan hendaklah dikemukakan kepada pegawai yang diberi kuasa apabila diminta;
  5. Pelesen hendaklah menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sentiasa menjaga kebersihan premis perniagaan. Semua sisa buangan dan sampah-sarap hendaklah dimasukkan ke dalam beg atau karung plastik serta diikat kemas sebelum dimasukkan kedalam tong sampah;
  6. Pelesen tidak dibenarkan meletak, menumpah dan membuang cecair kotor ke dalam longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau sebarang tempat awam. Bahan atau larutan mudah terbakar hendaklah disimpan di tempat yang selamat dalam kuantiti kurang dari 45 liter;
  7. Pelesen dilarang melakukan kacau ganggu kepada orang ramai dan persekitaran dalam bentuk asap, bau, haba, pancaran, bunyi dan sebagainya;
  8. Pelesen tidak dibenarkan menghalang atau mengganggu kelancaran arus lalu lintas kenderaan dan pergerakan bebas pejalan-pejalan kaki;
  9. Pelesen hendaklah menyediakan kelengkapan memadam kebakaran dan kotak perubatan kecemasan yang mencukupi;
  10. Pelesen hendaklah menyediakan bekalan air yang tetap dan mencukupi di dalam premis perniagaannya;
  11. Pelesen hendaklah menyediakan suasana yang selamat dan sihat di dalam premis perniagaannya;
  12. Pelesen hendaklah memastikan pencahayaan mencukupi untuk semua ruang di dalam premis perniagaannya;
  13. Lesen ini boleh dibatalkan sekiranya pelesen gagal mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan; tidak menjalankan aktiviti perniagaan selama tempoh enam bulan berturut-turut atau telah disabitkan atas kesalahan di bawah undang-undang; dan
1. Pelanggaran syarat atau perintah boleh menyebabkan lesen ini dibatalkan dan pelesen dikenakan tindakan di bawah seksyen 46(1) Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Sabak Bernam) 2007 iaitu kompaun tidak melebihi RM1,000.00 atau tindakan di bawah seksyen 47 undang-undang kecil yang sama iaitu denda tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya sekali dan jika kesalahan ini masih dilakukan lagi setelah pensabitan, pelesen boleh dikenakan denda tidak melebihi RM200.00 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan dilakukan jika disabit kesalahan.